



Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (902884V)

Tingkat 5, Menara I&P 1,
No. 46 Jalan Dungun, Bukit Damansara,
50490 Kuala Lumpur, Malaysia

T +603 2095 3030 / 2081 3000
F +603 2095 2121
www.mymrt.com.my



SIARAN MEDIA

MRT CORP BERTERIMA KASIH ATAS KELULUSAN MENERUSKAN MRT3

Kuala Lumpur, 4 Mac 2022: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) berterima kasih kepada YAB Perdana Menteri dan Kerajaan atas kelulusan untuk meneruskan pelaksanaan Projek Mass Rapid Transit 3 (MRT 3) Laluan Lingkaran seperti yang diumumkan pada hari ini.

Mewakili MRT Corp, Ketua Pegawai Eksekutif Datuk Mohd Zarif Hashim mengucapkan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri Dato' Sri Ismail Sabri dan Kerajaan di atas kepercayaan yang diberikan kepada syarikat untuk menerajui projek berimpak tinggi ini.

“Sebagai Pemaju Projek dan Pemilik Aset Projek MRT 3 Laluan Lingkaran, MRT Corp akan terus memberi keutamaan kepada kontraktor tempatan, termasuk kontraktor-kontraktor Bumiputera, bagi mewujudkan peluang perniagaan dan pekerjaan untuk Keluarga Malaysia,” kata Mohd Zarif.

Ini akan dicapai melalui penekanan yang lebih besar terhadap teknologi sistem rel tempatan, Sistem Binaan Berindustri (Industrialised Building System) dan Pemodelan Maklumat Bangunan (Building Information Modelling) dan peningkatan kepakaran dan kemahiran melalui pelbagai program seperti Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Mohd Zarif berkata Projek ini dijangka akan menjadi mangkin kepada pertumbuhan sosio-ekonomi di seluruh negara, meningkatkan daya saing negara di rantau ini dan meningkatkan kesejahteraan Keluarga Malaysia.

Laluan Lingkaran MRT3 dijangka sekitar 50km dan merupakan jajaran lingkaran sepanjang perimeter bandaraya Kuala Lumpur. Jajaran itu akan terdiri daripada bahagian bertingkat dan bawah tanah serta mempunyai 31 stesen.

Laluan Lingkaran MRT 3 ialah merupakan sebahagian daripada kesalinghubungan bagi Rangkaian Transit Bersepadu Lembah Klang di bawah Dasar Pengangkutan Negara dan komponen kritikal mobiliti pelbagai mod untuk masa hadapan di bawah Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040. Ia akan menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam yang moden, mampu milik dan cekap untuk Keluarga Malaysia.

-tamat/-

MRT Corp dimiliki sepenuhnya oleh Kementerian Kewangan Diperbadankan dan ditubuhkan untuk membangunkan rangkaian pengangkutan rel bandar. Selain MRT 3, ia juga merupakan pemaju dan pemilik aset MRT Laluan Kajang dan MRT Laluan Putrajaya, serta syarikat infrastruktur Malaysia Rapid Transit System Link Antara Johor Bahru dan Singapura.



Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Encik Leong Shen-Li
MRT Corp

+6012-319 6602 / leong.shen-li@mymrt.com.my

Cik Amalina Ghazali
MRT Corp

+6016-215 4055 / amalina.ghazali@mymrt.com.my